

6 MAR 1996

SPM - Keputusan

KEPUTUSAN SPM BOLEH DIDAPATI ESOK

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Semua calon dari sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 1995 boleh mendapatkan keputusannya esok, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Mereka boleh mendapatkan keputusan di sekolah masing-masing seawal-awalnya pada 11 pagi, katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Semua Jabatan Pendidikan Negeri telah diberitahu untuk mengeluarkan keputusan itu selepas Najib mengumumkan analisis pencapaian peperiksaan itu di sini esok.

Beliau dijadual berbuat demikian di Sekolah Menengah Seri Puteri di sini pada 9 pagi.

Seperti biasa Jabatan Pendidikan Negeri akan mengirinkan keputusan pelajar sekolah persendirian melalui pos.

Mengenai cadangan mengadakan kerjasama dengan universiti Eropah bertujuan antaranya bagi memberi peluang pelajar dari sana melanjutkan pelajaran di negara ini, Najib berkata kementerian akan mengambil tindakan segera untuk melaksanakan cadangan itu.

Katanya kabinet dalam mesyuaratnya hari ini telah meminta kementerian mengambil tindakan mempelopori usaha itu dan melaksanakan cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di Bangkok supaya universiti Eropah dan Asia bekerjasama sama ada menerusi program berkembar atau membuka cawangan mereka di Asia.

Ditanya mengenai minat Eropah terhadap perkara itu, beliau berkata berdasarkan kepada maklumat balas ketua-ketua kerajaan negara-negara Eropah menunjukkan mereka amat berminat untuk melihat pelajar mereka belajar di Asia.

Mengenai bidang yang boleh ditawarkan kepada mereka, Najib berkata ia dijangka meliputi semua bidang dan jurusan.

Najib juga berkata beliau telah mengarahkan Bahagian Pendidikan Sekolah menyediakan laporan lengkap mengenai kegiatan langsung yang dikatakan berleluasa di sekolah.

"Kegiatan itu sebenarnya tidak berleluasa seperti yang didakwa oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan tetapi kerana aduan rasmi telah dikemukakan, kementerian memandang serius perkara itu," katanya.

Mengenai pekeliling garis panduan jualan yang boleh dilakukan di sekolah, beliau berkata kementerian akan mengambil kira beberapa perkara yang membabitkan aktiviti jualan dan perniagaan sedemikian di sekolah-sekolah seperti yang dijalankan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia dan oleh koperasi sekolah. -- BERNAMA

HS MAI